

Tanpa integriti, kejujuran kemerdekaan terancam

Sultan Nazrin gesa pendekatan strategik agar usaha semai nilai amanah berhasil

Oleh Muhammad Zulsyami Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Sejarah wajar menjadi cerminan kepada generasi kini bahawa tanpa integriti dan kejujuran, kekuasaan menjadi rapuh serta kemerdekaan negara boleh terancam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, bertitah pendekatan strategik perlu difikirkan dan langkah bijak wajib dirintis agar usaha menyemai nilai integriti membuah hasil, dengan berpegang kepada pembinaan jati diri manusia, lebih utama daripada segala bina-an lain.

Titah baginda, sejarah mengenai kegagalan fungsi pembinaan Tembok Besar China serta kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka yang bersangkutan integriti, wajar dihayati iaitu apabila amanah dikhianati dan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan negara, benteng negara hilang.

Baginda bertitah, rakyat di negara China membina tembok besar dengan anggapan tiada siapa mampu memanjatnya kerana terlalu tinggi, namun apa yang dirancang tidak menjadi realiti kerana dalam 100 tahun pertama pembinaan tembok besar, China diserang tiga kali.

“Setiap kali musuh mahu menyerang, mereka tidak perlu robohkan atau panjat tembok besar. Caranya hanya merasuah



Sultan Nazrin diiringi Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkenan merasmikan Sambutan Bulan Integriti Nasional Tahun 2025 di Ipoh, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

pegawai dan musuh masuk dengan mudah melalui pintu dan laluan yang dibuka.

“Kepercayaan palsu dipegang dengan memilih membina tembok besar, malangnya mereka lupa membina jati diri pengawal yang diamanahkan tugas untuk menjaga sempadan.

“Sejarah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511 bukan sekadar berpunca daripada serangan musuh dari luar, tetapi akibat pengkhianatan dari dalam. Kelemahan pentadbiran, perebutan kuasa dan pengkhianatan oleh sebahagian pembesar membuka ruang kepada penjajahan asing.

“Dukacitanya berlaku dalam keadaan harapan pagar, pagar memakan padi, berlaku secara bersekongkol dengan kerjasama pegawai penguat kuasa yang diamanahkan tugas dan tanggungjawab,” titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah demikian ketika Sambutan Bulan

Integriti Nasional Tahun 2025 di sini, semalam.

Bina jati diri pelajar

Dalam pada itu, baginda juga bertitah pembinaan jati diri dalam kalangan pelajar sekolah dan pusat pengajian wajib diutamakan bagi menyemai peningkatan nilai integriti yang menjadi komponen kekuatan bangsa serta asas untuk membangunkan tamadun yang agung.

Baginda bertitah, pelbagai peristiwa hitam yang berlaku di sekolah mutakhir ini termasuk buli, keganasan, rogol, kematian dan pembunuhan yang dilakukan oleh mereka di usia 17 tahun ke bawah, cerminan kegagalan pendidikan dalam memenuhi peranan membentuk nilai kemanusiaan.

Titah baginda, makna suci pendidikan wajib dikembalikan, iaitu pendidikan ialah keupayaan memberi arah dan bukan hanya arahan, selain pendidikan

integriti perlu bermula sejak di bangku sekolah agar generasi muda memahami bahawa kejayaan tanpa kejujuran tidak membawa keberkatan.

“Berlaku krisis jiwa dan gangguan emosi. Sekolah yang sepatutnya menjadi tempat paling selamat untuk anak kini terdedah kepada pelbagai suasana yang mengancam keselamatan. Krisis kemanusiaan sedang berlaku di tempat yang paling selamat buat anak-anak.

“Krisis yang berlaku hari ini tidak adil dipolemik dan dipolitikkan untuk mempersalahkan kepemimpinan semasa. Kita hendaklah berani mengakui bahawa sel-sel barah yang tumbuh membesar hingga ke tahap kritikal bermula dengan sel kecil, berhimpun secara kumulatif untuk sekian lamanya.

“Apakah penekanan yang terlalu memberatkan KPI (petunjuk prestasi utama) pencapaian gred peperiksaan menyebabkan falsafah asas dan tujuan sebenar pendidikan kini tersisih? Adakah kita telah terlalu tertumpu pada ranking dan statistik hingga terkhilaf membina jiwa?” titah Sultan Nazrin.

Titah Sultan Nazrin, erti sebenar pendidikan tidak tercapai kalau jiwa anak-anak masih kosong daripada segi nilai, apabila fokus pendidikan kini gagal melahirkan manusia beradab, berfikir dan mempunyai arah hidup yang betul, dengan anggapan integriti lahir secara spontan.

“Integriti dibentuk melalui pendidikan berterusan, disemai di rumah, disuburkan di sekolah, diperkukuh oleh masyarakat, dan diinspirasi oleh kepemimpinan yang boleh teladani. Ibu bapa berperanan paling utama menyemai benih integriti dalam jiwa anak kerana rumah ialah madrasah pertama seorang insan,” katanya.